



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS : No. (A)100-4/345 Klt.7/(6)

Tarikh : 22 Januari 2013

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 1/ 2013 PENGUATKUASAAN PEMBAYARAN DIBAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (a)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menarik perhatian semua Jabatan/Kementerian berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat pada tahun-tahun lalu akan tetapi hanya dibayar pada Tahun Kewangan yang baru.

2. LATARBELAKANG

Diperhatikan walaupun beberapa pekeliling telah dikeluarkan namun masih banyak baucar-baucar bayaran dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk mendapat kebenaran dibawah A.P. 58(a) sepanjang tahun sehingga ke akhir tahun kewangan. Nampaknya Arahan 58(a) dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan tidak diambil perhatian yang serius dan jesteru itu satu pendekatan perlu diambil untuk mengawalnya bagi mematuhi A.P. 103(a) dan A.P. 100.

3. PENGUATKUASAAN

Bermula dari pengeluaran pekeliling ini Jabatan Bendahari Negeri hanya akan memproses permohonan di bawah A.P. 58(a) untuk perbelanjaan mengurus yang kena dibayar pada tahun Kewangan sebelumnya saja sehingga **31 Mei** dalam Tahun Kewangan semasa saja. Ini bermakna permohonan bagi bil-bil Tahun Kewangan sebelumnya (tahun 2012 sebagai contoh) akan dipertimbangkan sehingga 31 Mei dalam Tahun Kewangan semasa (iaitu tahun 2013 bagi kes ini).

Semua bil-bil yang tertunggak sebelum tahun 2012 tidak akan dipertimbangkan oleh Jabatan ini. Oleh yang demikian, permohonan bil-bil bagi tahun tahun 2011, 2010 dan seterusnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kebenaran khas supaya dapat dibayar dalam Tahun Kewangan semasa terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke Jabatan Bendahari Negeri bagi maksud proses bayaran.

4. RUJUKAN BERKAITAN

Pekeliling-pekeliling berikut adalah berkaitan:

- (a) Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 11 Tahun 2010 rujukan KEW:400-8/9/30 bertarikh 1 Julai 2010
- (b) Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 6 Tahun 2000 rujukan JBN: (A) NO:400-2/4385/A/ (87) bertarikh 23 Mei 2000

5. KEBENARAN KHAS


Bagi bayaran berkaitan dengan Biasiswa Negeri adalah dikecualikan dari Arahan ini sesuai dengan amalan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

5. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Pembayaran dan Penerimaan) melalui nombor telefon 088 252447 atau Akauntan Penyemakan Baucar melalui telefon 088 272670 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian harap maklum dan terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH , CEKAP DAN AMANAH "



(CHU NGAN NGO)
BENDAHARI NEGERI

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan,
88595 Kota Kinabalu.

s.k. Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara,Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU.

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jln. Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

↑ bb/